

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KARNIVAL
ILMU DAN PENYELIDIKAN UCS 2025 :
KOLABORASI PINTAR INDUSTRI DAN
MAHASISWA**

**19 NOVEMBER 2025 | RABU | 3.30 PETANG
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Prof Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi

YBrs. Profesor Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah
Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti
Alumni Dan Keusahawanan,
Menjalankan Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal
Pelajar

YBrs. Ts. Mohamad Hamidi Hj. Mohd Jais
Ketua Timbalan Pustakawan

YBrs. Encik Amirul Hafiz Bakri

Ketua Timbalan Bendahari

YBrs. Puan Hani Liza Norfin

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan

Merangkap Pengarah Karnival Ilmu dan
Penyelidikan

Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan
Selangor

Barisan Jawatankuasa Pelaksana Program

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang
saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini bagi **Majlis Penutupan Karnival Ilmu dan Penyelidikan UCS 2025: Kolaborasi Pintar Industri dan Mahasiswa**, satu inisiatif strategik yang bertujuan memperkukuh hubungan antara universiti, industri dan komuniti pelajar.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada **Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)** atas penganjuran program ini serta peranan cemerlangnya sebagai tuan rumah, dengan sokongan kerjasama yang erat daripada;
 - i. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI)
 - ii. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)
 - iii. Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (iCARE)

3. Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada rakan industri dan agensi yang terlibat, atas sokongan padu yang menjadikan karnival ini wadah kolaborasi ilmu yang bermakna.
4. Kerjasama rentas jabatan dan agensi ini bukan sahaja memperkukuh peranan PTAR sebagai *Vibrant Centre of Learning*, tetapi juga mengangkat UiTM Cawangan Selangor sebagai ekosistem ilmu dan penyelidikan yang progresif, seiring dengan keperluan industri dan masyarakat masa kini.

Hadirin yang dihormati,

5. Penyelidikan merupakan teras utama dalam memacu kecemerlangan akademik dan memperkukuh reputasi institusi, selaras dengan aspirasi UiTM untuk terus unggul sebagai universiti berteraskan ilmu dan inovasi.

6. Justeru, usaha penyelidik dan pensyarah dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi perlu diperkasa untuk memacu kecemerlangan UiTM Cawangan Selangor.
7. Bagi tujuan itu, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI) memegang peranan penting dalam memacu geran, projek berimpak tinggi, serta perkongsian hasil penyelidikan yang memberi manfaat kepada universiti, industri, dan masyarakat.
8. Peranan Bahagian iCARE pula amat signifikan dalam menjalin hubungan dengan pihak industri, komuniti, alumni dan usahawan bagi menyokong aktiviti keusahawanan, pembangunan komuniti serta hubungan industri yang berimpak tinggi.
9. Pada masa yang sama, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) berperanan dalam memperkukuh penglibatan pelajar melalui pelbagai inisiatif,

program pembangunan sahsiah dan kolaborasi bersama persatuan serta kelab pelajar.

10. Sinergi yang terjalin ini membolehkan UiTM Cawangan Selangor mewujudkan ekosistem holistik yang menyatukan penyelidikan berimpak, inovasi, pembangunan komuniti dan peluang industri seterusnya melahirkan graduan yang berilmu, berdaya saing dan kreatif.

11. Karnival ini juga dilihat menyatukan elemen ilmu, inovasi dan penyelidikan dalam satu platform bersepadu yang mempertemukan pelajar, pensyarah, penyelidik serta pihak industri.

12. Dalam tempoh dua hari penganjuran, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan, menunjukkan kesungguhan UiTM Cawangan Selangor dalam memperkasakan budaya ilmu, memperluas jaringan strategik dan memupuk budaya

penyelidikan, demi melahirkan graduan yang berilmu, beretika dan kreatif.

13. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Induk dan Ahli Jawatankuasa kecil atas dedikasi dan semangat kolaborasi yang tinggi dalam menjayakan karnival ini.

14. Semoga usaha murni ini terus subur dan memberi manfaat berterusan kepada warga universiti serta komuniti setempat.

Hujan rintik membasahi bumi,
Pelangi muncul indah berseri;
Ilmu dicari tiada henti,
Kolaborasi pintar menjana prestasi.

15. Dengan lafaz suci *Bismillahirrahmanirrahim*, saya sukacitanya **merasmikan Majlis Penutupan Karnival Ilmu dan Penyelidikan UCS 2025: Kolaborasi Pintar Industri & Mahasiswa.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**